

BAB

# 10

## SISTEM CIRI-CIRI DESA MELAYSIA (CHARMS)



## PENGENALAN

*Characteristics of Rural Malaysia System* (CHARMs) atau Sistem Ciri-Ciri Desa Malaysia merupakan sistem profil desa yang dibangunkan berasaskan Web-GIS bagi menyeragamkan semua profil desa yang kini wujud secara berasingan pada agensi-agensi pelaksana desa. Ia berperanan sebagai sokongan kepada DPF Desa Negara dan kajian Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN) yang diselaraskan di peringkat Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri.



### OBJEKTIF CHARMS

Membantu menyokong membuat keputusan perancangan dan pembangunan desa serta memantau pencapaian DPF Desa Negara. Berkeupayaan dalam memantau, menganalisis dan memaparkan data spatial kampung melalui tiga fungsi utama.



### FUNGSI UTAMA CHARMS

- 1** Penentuan tahap kemampuan kampung
- 2** Sistem menyokong keputusan untuk agihan sumber
- 3** Memantau pelaksanaan DPF Desa Negara


Teras utama CHARMs adalah keupayaannya menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang dapat menyediakan platform penghubung antara perancang atau pembuat keputusan dengan kecapaian maklumat spatial. GIS juga berperanan sebagai alat dalam menyokong dan membangunkan maklumat berpusat DPF Desa Negara terutama dalam mengumpul, menyimpan, menyelenggara, menganalisis data serta pemetaan.

## PENENTUAN TAHAP KEMAMPAHAN KAMPUNG

Tujuan utama klasifikasi tahap kemampuan kampung adalah untuk menilai dan mengenal pasti kampung-kampung yang memerlukan bantuan dan kampung-kampung yang telah mencapai tahap pembangunan yang mencukupi dari aspek kemudahan dan keadaan fizikal. Tujuan klasifikasi ini juga adalah untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat kampung serta penduduk desa dan membantu serta memudahkan perancang dan lain-lain agensi terlibat dalam penyaluran bantuan pembangunan dan kemudahan ke atas kampung-kampung mengikut keutamaan tertentu.

Bagi tujuan pengklasifikasian kemampuan kampung, kaedah MCDM menerusi teknik *Analytical Hierarchy Process* (AHP) digunakan. Teknik ini diakui berupaya menyelesaikan masalah yang melibatkan kepelbagaian indikator atau pertimbangan yang berkonflik. Ianya dapat menyokong keputusan secara berkumpulan, konsisten, berstruktur dan mengurangkan bias dalam membuat sesuatu keputusan. Teknik ini bertepatan dengan keperluan kajian yang melibatkan banyak *stakeholder* dan kriteria dalam analisis yang dijalankan. Perisian *Expert Choice* akan digunakan dalam proses ini. Berikut adalah langkah-langkah yang telah dilaksanakan dalam analisis ini.

Dengan menggunakan kaedah ini, setiap indikator yang diperolehi daripada maklumat fizikal yang telah dikumpul dinilai berdasarkan nilai pemberat yang telah ditentukan. Kelebihan teknik ini adalah keupayaan melaksanakan *pairwise comparison* bagi setiap indikator yang dimasukkan. Pemberat yang diberi kepada setiap indikator adalah berdasarkan kepada tahap kepentingan dan pengaruh faktor penentu kemampuan sesebuah kampung. Klasifikasi kemampuan kampung terbahagi kepada 4 klasifikasi iaitu Amat Mampun, Mampun, Sederhana Mampun dan Kurang Mampun.



### LANGKAH 1

### PENENTUAN KRITERIA BAGI PENILAIAN KEMAMPAHAN KAMPUNG

Kriteria merupakan antara komponen yang paling penting dalam menggunakan teknik *Multi-criteria Decision Making* (MCDM) menerusi *Analytical Hierarchical Process* (AHP) sebagai disiplin sokongan. Perlu ada ketetapan dan persetujuan kriteria yang digunakan dalam analisis yang dijalankan. Jaringan Penunjuk-penunjuk Bandar – Luar Bandar Malaysia (MurniNets) oleh PLANMalaysia dirujuk dalam pembentukan kriteria ini terutama dalam penilaian terhadap kesejahteraan kampung dan komuniti yang menjadi teras aspirasi kajian.


Menerusi bengkel yang telah dilaksanakan, kriteria yang memberi impak kepada kemampuan kampung telah dikenal pasti oleh *stakeholder* yang kemudiannya dikelaskan mengikut hierarki tahap (*level*) 1 hingga 6. Bagi sub-kriteria tahap 4, rujukan kriteria dilakukan berdasarkan piawaian garis perancangan pembangunan oleh PLANMalaysia. Secara keseluruhan, terdapat 6 dimensi kriteria bagi tahap 1, disokong oleh 27 tema kriteria bagi tahap 2 dan 83 sub-kriteria bagi tahap 3.

**LANGKAH 2**

**PENILAIAN PEMBERAT SETIAP KRITERIA**

AHP berfungsi menjana pemberat (*weightage*) bagi setiap kriteria yang ditetapkan untuk digunakan dalam teknik MCDM. Pemberat ini merupakan perwakilan jurang perbezaan keutamaan (*priority*) atau pengaruh ke atas kriteria lain yang diguna pakai melalui proses perbandingan secara pasangan (*pairwise comparison*). Perbandingan ini merupakan teras utama teknik AHP. Berikut adalah ilustrasi konsep penilaian secara perbandingan pasangan yang membandingkan setiap kriteria mengikut hirarki dalam perisian *Expert Choice*.

**Konsep AHP Yang Menggunakan Penilaian Secara Pasangan Dalam Analisis Kemampanan Kampung**




Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Dalam proses penilaian pemberat ini, kumpulan pakar yang terdiri dari pakar runding sektoral dan pihak berkepentingan dari PLANMalaysia, KKLW dan EPU turut dijemput untuk memberi input penilaian setiap kriteria. Kaedah penilaian pemberat dibuat secara terus mengikut hierarki kriteria yang dibentuk dalam perisian *Expert Choice*.

*Expert Choice* mempunyai kaedah unik menggunakan perbandingan pasangan untuk memperoleh keutamaan yang lebih tepat bagi mencerminkan persepsi dan nilai-nilai daripada kebanyakan kaedah lain. Rajah di bawah menunjukkan carta alir kerja di dalam perisian ini.


**Carta Alir Kerja MCDM - AHP**



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Dimulakan dengan membina model dengan memasukkan kriteria yang telah ditetapkan secara struktur hierarki. Model struktur hierarki asasnya perlu mempunyai 3 elemen iaitu matlamat, kriteria dan sub-kriteria. Rajah di bawah adalah paparan indikator dan pemberat yang telah dimasukkan dalam perisian.


**Perisian *Expert Choice* dan Struktur Keputusan AHP**



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Langkah seterusnya ialah membandingkan setiap kriteria berdasarkan skor pemberat antara satu sama lain secara pasangan. Pandangan serta penyertaan *stakeholder* dan kumpulan pakar akan diambil kira semasa aktiviti analisis dijalankan terutamanya apabila melibatkan kemasukan skor pemberat bagi setiap kriteria. Kaedah *consensus* digunakan yang memerlukan keputusan bagi memasukkan sesuatu nilai skor ke dalam perisian mendapat purata persetujuan kumpulan pakar. Berikut adalah perbandingan secara pasangan yang dilaksanakan ke atas kriteria kemudahan dan kemudahan awam dengan penentuan skor julat perbezaan berdasarkan skor pemberat.

### Perbandingan Secara Pasangan Dalam Perisian *Expert Choice*



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Skor yang digunakan merujuk kepada skala perbandingan berdasarkan nilai 1 hingga 9. Berikut adalah skala skor piawai yang digunakan dalam teknik AHP mengikut penerangannya:


#### Skala Bandingan Mengikut Skor

| Skor | Penerangan                                  |
|------|---|
| 1    | <i>Equally important</i>                    |
| 2    | <i>Equally to Moderately important</i>      |
| 3    | <i>Moderately preferred</i>                 |
| 4    | <i>Moderately to Strongly important</i>     |
| 5    | <i>Strongly important</i>                   |
| 6    | <i>Strongly to Very Strong important</i>    |
| 7    | <i>Very Strongly important</i>              |
| 8    | <i>Very to Extremely Strongly important</i> |
| 9    | <i>Extremely important</i>                  |

Satu kelebihan teknik AHP yang disediakan dalam perisian *Expert Choice* ialah keupayaannya menilai tahap *consistency* keseluruhan input skor yang diberikan ke atas kriteria yang dibandingkan. Contohnya, sekiranya A lebih penting dari B dan B lebih penting dari C maka ianya dinilai sebagai *consisten* tetapi sekiranya C dinilai lebih penting berbanding A maka wujudnya *inconsistency* yang akan disampaikan melalui nilai *inconsistency*. Nilai *inconsistency* perolehan bagi keseluruhan perbandingan piawaian yang dibuat dalam tugas ini ialah 0.02. Mengikut piawaian yang digariskan, sebarang nilai perolehan lebih daripada 0.1 merupakan nilai skor yang tidak *consisten* dan perlu disemak balik.

Nilai yang dibandingkan akan dipuratakan menggunakan kaedah *synthesis* bagi mendapatkan jumlah skor keseluruhan. Hasil daripada proses analisis ini adalah nilai pemberat (*weightage*) bagi setiap indikator yang dinilai. Nilai perolehan akan dimasukkan dan dianalisis oleh CHARMS bagi merumuskan tahap kemamparan sesebuah kampung.

### Hasil Penilaian Pemberat Bagi Setiap Kriteria Yang Digunakan



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

## LANGKAH 3

### PENYEDIAAN DATA

Penyediaan data merupakan proses di dalam perisian GIS yang memerlukan penganalisa menterjemahkan kriteria yang dikenal pasti ke dalam persekitaran spatial. Data kampung merupakan data teras yang digunakan kerana data tersebut telah mempunyai maklumat-maklumat fizikal kampung mengikut kriteria yang telah dikenal pasti. Data tersebut diperolehi melalui borang kaji selidik yang dilaksanakan oleh PLANMalaysia dan diisi oleh Pegawai Daerah atau penghulu. Maklumat-maklumat tersebut dibahagikan mengikut ciri-ciri kampung dan kemudahan sedia ada seperti:

## Borang Maklumat Asas Fizikal Kampung

KAJIAN DASAR PERANCANGAN FIZIKAL DESA NEGARA  
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMBILANGNE MALAYSIA

**KG MATANG PASIR**  
MUKIM SEREMBAN  
DAERAH SEREMBAN  
NEGERI NEGERI SEMBILAN

NAMA KETUA KAMPUNG: \_\_\_\_\_

NAMA PENGHULU: \_\_\_\_\_

JARAK BANDAR / PEKAN TERDEKAT: \_\_\_\_\_ km

**1 TRADISI**      **PETEMPATAN**

Jenis Kampung: **BERAJAR**

Jenis Rumah: **KAMPUNG**      Corak Petempatan: \_\_\_\_\_

Keadaan Fizikal Bangunan: **SEDERHANA**

Keadaan Fizikal Kampung: **SEDERHANA**

Bilangan Rumah: **>50** rumah      Rumah: \_\_\_\_\_

**2**      : **250** orang      **DEMOGRAFI**

Bilangan Penduduk: Lelaki = **200** orang      PETANI: Majoriti Pekerjaan

Perempuan = **50** orang

**3 KEMUDAHAN ASAS**

| Ada                   |                                     | Tiada                               |                                     |
|-----------------------|-------------------------------------|-------------------------------------|-------------------------------------|
| Jalan Masuk Berturap: | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Jalan Dalam Berturap: | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Bekalan Air:          | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Bekalan Elektrik:     | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Internet:             | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Pejabat Pos:          | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Bank:                 | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Kutipan Sampah:       | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Kitar Semula:         | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Pembangunan Asas:     | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Sepenuhnya:           | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Sebahagian:           | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |

**6**      **KEMUDAHAN KEAGAMAAN**

|                    |                                     |                                     |
|--------------------|-------------------------------------|-------------------------------------|
| Masjid:            | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Surau:             | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Rumah Ibadat Lain: | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Tanah Perkuburan:  | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Ternakan:          | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Jenis Ternakan:    | <b>LANDAK</b>                       |                                     |

**7 KEMUDAHAN KESIHATAN**

|                  |                                     |                                     |
|------------------|-------------------------------------|-------------------------------------|
| Pusat Kesihatan: | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Klinik Desa:     | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |

**8 KEMUDAHAN PENDIDIKAN**

|                         |                                     |                                     |                        |                                     |
|-------------------------|-------------------------------------|-------------------------------------|------------------------|-------------------------------------|
| Tadika:                 | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | Kolej/Pusat Kemahiran: | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Sekolah Rendah:         | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | Sekolah Menengah:      | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Sekolah Agama / Pondok: | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | Sekolah Menengah:      | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Perpustakaan Desa:      | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | Pusat ICT:             | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Perpustakaan Bergerak:  | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | Perpustakaan:          | <input checked="" type="checkbox"/> |
|                         | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> | Perpustakaan:          | <input checked="" type="checkbox"/> |

**9**      **KEMUDAHAN EKONOMI**

|                            |                                     |                                     |
|----------------------------|-------------------------------------|-------------------------------------|
| Pasar Malam/ Lambak:       | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Industri Desa:             | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Bilangan Kedai:            | <b>20</b> unit                      |                                     |
| Bilangan Gerai:            | <b>5</b> unit                       |                                     |
| Bilangan Bengkel / Kilang: | <b>1</b> unit                       |                                     |
| Jenis Pertanian:           | <b>GETAH</b>                        |                                     |
| Pertanian:                 | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |

**5**      **KEMUDAHAN AWAM**

|                       |                                     |                                     |
|-----------------------|-------------------------------------|-------------------------------------|
| Taman Permainan:      | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Gelanggang Permainan: | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Padang Bola:          | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Pelancongan:          | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Chalet / Homestay:    | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Budaya:               | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Warisan:              | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |

**4 KEMUDAHAN PENGANGKUTAN AWAM**

|                         |                                     |                                     |
|-------------------------|-------------------------------------|-------------------------------------|
| Bas:                    | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Teksi:                  | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |
| Lain-lain Pengangkutan: | <input checked="" type="checkbox"/> | <input checked="" type="checkbox"/> |

**EKONOMI**

Nama: \_\_\_\_\_


Jawatan: \_\_\_\_\_

No. Tel: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

NO. SIRI: N0001

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.



Dalam membuat penilaian kesediaan kriteria pada data kampung contohnya berkenaan bekalan air, keadah *boolean* digunakan yang menggunakan perwakilan 1 sebagai ada dan 0 sebagai tiada. Data sokongan (sekunder) berbentuk spatial juga digunakan bagi mendapatkan kriteria seperti yang telah dikenal pasti pada langkah 1.




## LANGKAH 4

## ANALISIS MCDM – GIS (PENGINTEGRASIAN)

Pada peringkat ini, analisis MCDM-GIS dilakukan dengan memasukkan nilai pemberat bagi setiap kriteria yang digunakan ke dalam maklumat (*attribute*) dalam data kampung. Pemberat yang diperolehi dari hasil pada langkah 2 akan didarab dengan setiap ciri-ciri kampung mengikut kriteria yang telah dikenal pasti tadi. Ini dilaksanakan dalam perisian ArcGIS 10.x. Hasil akhir yang berbentuk nilai keseluruhan akan dibahagikan mengikut *Equal Interval* dengan 4 kategori utama yang membentuk Amat Mampu, Mampu, Sederhana Mampu dan Kurang Mampu. Berikut adalah contoh hasil dari analisis kemampuan kampung.

## Contoh Hasil Analisis Kemampuan Kampung



Sumber: DPF Desa Negara,2016.

# ANALISIS MENYOKONG MEMBUAT KEPUTUSAN AGIHAN SUMBER


lanya merujuk kepada pengagihan peruntukan atau bantuan kepada kampung-kampung yang amat memerlukan kemudahan atau pembangunan yang telah dikenal pasti melalui analisis ini. Keputusan yang diperolehi akan digunakan oleh agensi berkaitan bagi tujuan menyalurkan bantuan kepada kumpulan sasar secara lebih telus dan tepat. Terdapat dua komponen utama penghasilan agihan sumber iaitu bagi penyediaan kemudahan masyarakat dan kemudahan infrastruktur dan utiliti.

Nilai pemberat yang diperolehi akan digunakan secara langsung dalam menentukan tahap keperluan kepada sesuatu kemudahan.

Kaedah yang digunakan dalam analisis ini adalah sama dengan analisis kemampuan kampung iaitu menggunakan MCDM bersama dengan indikator yang digunakan iaitu:

- Kesediaan (*available*) kemudahan
- Kependudukan (jumlah penduduk)
- Jarak dari kemudahan sedia ada
- Jenis / ciri-ciri kampung

## Contoh Hasil Analisis Pemberat Bagi Agihan Sumber Mengikut Keutamaan



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Data yang diguna pakai bagi analisis ini merupakan data sama yang diperolehi daripada hasil kaji selidik bagi tujuan analisis kemampuan kampung. Kampung yang mempunyai nilai permarkahan yang tinggi merupakan kampung yang sangat memerlukan kemudahan tersebut.

Berikut adalah contoh kampung-kampung yang amat memerlukan kemudahan telekomunikasi di Daerah Gua Musang, Kelantan mengikut senarai keutamaan.

**Contoh Hasil Analisis Bagi Agihan Sumber**

**Agihan Sumber Mengikut Keutamaan**

Kump. Kemudahan: Kemudahan Asas  
 Kemudahan: Telekomunikasi  
 Negeri: Kelantan  
 Daerah: Gua Musang

Search Reset

| No. | Negeri   | Daerah     | Mukim  | Nama Kampung    | Jenis Kampung      |
|-----|----------|------------|--------|-----------------|--------------------|
| 1   | Kelantan | Gua Musang | Bertam | Kg. Penep       | Kampung Orang Asli |
| 2   | Kelantan | Gua Musang | Bertam | Kg. Lambok      | Kampung Orang Asli |
| 3   | Kelantan | Gua Musang | Bertam | Kg. Sesik       | Kampung Orang Asli |
| 4   | Kelantan | Gua Musang | Bertam | Kg. Was         | Kampung Orang Asli |
| 5   | Kelantan | Gua Musang | Bertam | Kg. Kuala Halak | Kampung Orang Asli |
| 6   | Kelantan | Gua Musang | Chiku  | Kg. Geno        | Kampung Orang Asli |
| 7   | Kelantan | Gua Musang | Chiku  | Kg. Tok Hala    | Kampung Orang Asli |
| 8   | Kelantan | Gua Musang | Chiku  | Kg. Hantu       | Kampung Orang Asli |
| 9   | Kelantan | Gua Musang | Chiku  | Kg. Kemara      | Kampung Orang Asli |
| 10  | Kelantan | Gua Musang | Chiku  | Kg. Buntar      | Kampung Orang Asli |

<< previous 1 2 3 4 next >>

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

**ANALISIS PENCAPAIAN DPF DESA NEGARA**

Analisis Pencapaian DPF Desa Negara dilaksanakan khusus untuk kegunaan pihak berkepentingan mengukur dan memantau projek-projek pembangunan di desa. Ianya merupakan proses pemantauan pelaksanaan pernyataan dasar DPF Desa Negara yang dapat diintegrasikan ke dalam bentuk spatial untuk menilai tahap pencapaian dan memantau pembangunan. Ini merupakan analisis yang akan dilaksanakan selepas dasar, strategi dan langkah pelaksanaan bagi DPF Desa Negara dilaksanakan bermula pada tahun 2019 sehingga tahun 2030. Sistem pemantauan yang dibangunkan ini adalah penting bagi tujuan memandu hala tuju pembangunan berasaskan rancangan pembangunan yang telah dijalankan.

Pengukuran pencapaian dasar adalah berasaskan pelaksanaan sasaran pembangunan melalui indikator yang telah ditetapkan dan dipersetujui dalam kajian ini. Pengukuran pencapaian dapat dilakukan terhadap dasar yang mempunyai hubungan dengan bilangan atau nilai seperti langkah-langkah pelaksanaan yang diambil oleh agensi melalui projek yang dilaksanakan. Agensi pemantau akan mengisi ruangan jadual yang disediakan di dalam CHARMs secara *online*.

Setiap langkah pelaksanaan atau projek akan mempunyai nilai pemberat yang berbeza. Teknik MCDM-AHP digunakan dalam menilai setiap pemberat yang diberikan berdasarkan keutamaan bagi mendapatkan peratus pencapaian bagi dasar tersebut. Menggunakan kaedah yang sama, nilai pemberat akan didarabkan dengan peratus pencapaian setiap strategi bagi mendapatkan seluruh pencapaian dasar tersebut. Penentuan pemberat bagi setiap langkah pelaksanaan dan sasaran pencapaian mengikut fasa yang telah digariskan dalam DPF Desa Negara amnya memerlukan perbincangan terperinci serta persetujuan pada semua peringkat agensi pelaksana. Ini hanya dapat dilaksanakan dalam Fasa ke 2 nanti.

Di dalam CHARMS, hasil akhir akan dipaparkan dalam peratus pencapaian dengan ilustrasi berdasarkan tiga warna digunakan iaitu:

| NO | PENCAPAIAN (%) | PIAWAIAN               | KOD WARNA |
|----|----------------|------------------------|-----------|
| 1  | 80 – 100%      | Tercapai               | Hijau     |
| 2  | 50 – 79%       | Selaras dengan progres | Kuning    |
| 3  | 0 – 49%        | Tidak Tercapai         | Merah     |

Pengukuran ini mempunyai beberapa peringkat iaitu Teras, Pernyataan Dasar, Strategi dan Langkah. Pelaksanaan peringkat yang paling akhir adalah jadual projek yang dijalankan dan ianya perlu diisi oleh agensi pemantau. Berikut adalah contoh jadual langkah dan indikator bagi pernyataan dasar Merekayasa Pekan Sebagai Pemangkin Pembangunan Desa yang boleh diukur tahap pencapaiannya berdasarkan sasaran pencapaian setelah tamat tempoh pelaksanaan fasa 1 (2017-2020).

### Contoh Bentuk Pengukuran Pencapaian Pernyataan Dasar Merekayasa Pekan Sebagai Pemangkin Pembangunan Desa

The screenshot shows the CHARMS Desa software interface. The main window displays a 'Borang Pelaksanaan' (Implementation Form) for the 'DASAR' (Basic) statement: 'Merekayasa Pekan Sebagai Pemangkin Pembangunan Desa'. The form is organized into several sections:

- STRATEGI SD1.1**: A table with columns 'NO' and 'LANGKAH-LANGKAH'. It lists two steps:
 

| NO     | LANGKAH-LANGKAH   |
|--------|---|
| SD1.1A | Mengukuhkan pekan mengikut komponen pembangunan berdasarkan sempadan pekan. |
| SD1.1B | Menaik taraf pekan mengikut kategori  |
- LANGKAH-LANGKAH 1**: A detailed table for the first step:
 

| LANGKAH-LANGKAH   | AGENSI PEMANTAU | AGENSI PELAKSANA   | KOD PROJEK / PROGRAM | LOKASI PROJEK                   | INDIKATOR PELAKSANAAN LANGKAH                                    | INDIKATOR PENCAPAIAN KOMPONEN   | TARIKH PEMANTAUAN DIHALANKAN | SUMBER KEWANGAN                              | KOS PROJEK / PROGRAM |
|---|-----------------|--|----------------------|---------------------------------|--|---|------------------------------|--|----------------------|
| Mengukuhkan pekan mengikut komponen pembangunan berdasarkan sempadan pekan. | PLAN/Malaysia   | • Pejabat Daerah dan Tanah<br>• Pihak Berkuasa Tempatan<br>• PLAN/Malaysia<br>• KKLW | SD1.1A (1)           | Pekan Karai, Kuala Kangsar (R5) | Bilangan pekan yang dinaiktaraf berdasarkan komponen pembangunan | • 1 GALTAMARA<br>• 1 Pusat Pembangunan Usahawan TEKUN Nasional<br>• 5 program POK setahun | 20 Disember 2020             | • Kerajaan Negeri<br>• Agensi Badan Berkanun | RM1.2 juta           |
- LANGKAH-LANGKAH 2**: A table for the second step:
 

| LANGKAH-LANGKAH                      | AGENSI PEMANTAU | AGENSI PELAKSANA | KOD PROJEK / PROGRAM | LOKASI PROJEK | INDIKATOR PELAKSANAAN LANGKAH | INDIKATOR PENCAPAIAN KOMPONEN | TARIKH PEMANTAUAN DIHALANKAN | SUMBER KEWANGAN | KOS PROJEK / PROGRAM |
|--------------------------------------|-----------------|------------------|----------------------|---------------|-------------------------------|-------------------------------|------------------------------|-----------------|----------------------|
| Menaik taraf pekan mengikut kategori |                 |                  |                      |               |                               |                               |                              |                 |                      |

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

### Contoh Hasil Analisis Bagi Pencapaian DPF Desa Negara




Sumber: DPF Desa Negara, 2016.


# PEMBANGUNAN APLIKASI CHARMS

Aplikasi yang dibangunkan ini merupakan satu Sistem Maklumat Geografi (GIS) berasaskan web yang membenarkan pengguna untuk memapar serta mencapai maklumat yang berkaitan secara atas talian yang mana ia boleh diakses melalui pelayar internet dalam persekitaran siber.


Pembangunan GIS CHARMS ini secara langsung boleh membantu dalam meningkatkan dan menyebarkan penggunaan GIS bagi pihak DPF Desa Negara. Penggunaan aplikasi ini akan membolehkan pihak pengurusan memantau perkembangan aktiviti, penyediaan perancangan dan persediaan projek tanpa perlu menggunakan perisian teras GIS.



### Carta Alir Aplikasi CHARMs



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.



**MODUL PENTADBIRAN**


**Jadual Tahap Akses Pengguna**

| JADUAL AKSES PENGGUNA        | KUMPULAN PENGGUNA |           |        |               |
|------------------------------|-------------------|-----------|--------|---------------|
|                              | Awam              | Berdaftar | Editor | Administrator |
| Paparan Peta Umum            | /                 | /         | /      | /             |
| Paparan 'Peta Berdaftar'     | o                 | /         | /      | /             |
| Create Data                  | o                 | o         | /      | /             |
| Suntingan Data (Sendiri)     | o                 | o         | /      | /             |
| Suntingan Data (Keseluruhan) | o                 | o         | o      | /             |
| Penerbitan (Publish)         | o                 | o         | o      | /             |
| Akses Paparan Admin          | o                 | o         | o      | /             |
| Mengurus Pengguna            | o                 | o         | o      | /             |
| Mengurus Template Sistem     | o                 | o         | o      | /             |
| Mengurus Tetapan Laman       | o                 | o         | o      | /             |

**MODUL LOGIN DAN LOGOUT (AKSES KEPADA SISTEM)**

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

**Paparan Daftar Masuk Pengguna**




Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

**MODUL  
PEMETAAN  
INTERAKTIF**

**Kegunaan *Tools* Navigasi GIS dalam CHARMS**

| Simbol | Fungsi               | Diskripsi                                       |
|--------|----------------------|---|
|        | <i>Zoom by draw</i>  | Membesarkan fitur dengan melukis kotak          |
|        | <i>Zoom In</i>       | Membesarkan fitur secara berkala                |
|        | <i>Zoom Out</i>      | Mengecilkan fitur secara berkala                |
|        | <i>Zoom Previous</i> | Memaparkan paparan aktiviti jarak yang terakhir |
|        | <i>Zoom Next</i>     | Memaparkan paparan aktiviti jarak yang terakhir |
|        | <i>Full Extent</i>   | Memaparkan paparan pada ukuran keseluruhan peta |
|        | <i>Pan</i>           | Membenarkan pergerakan paparan peta             |
|        | <i>Cetak/ Print</i>  | Membenarkan paparan peta dicetak dalam saiz A4  |
|        | <i>info</i>          | Memaparkan maklumat data fitur                  |
|        | <i>Ukuran</i>        | Mengukur kawasan dan jarak fitur                |


**Antara Muka Dan *Tools* Pemetaan Interaktif CHARMS**



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.




### Tools Carian CHARMS




Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

### Tools Pilihan Peta Dasar Imej Satelit




Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

### Tools Pilihan Peta Dasar GRID




Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

### Tools Street View




Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

### Tools Bagi Tujuan Suntingan



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

### Menu Bagi Tujuan Suntingan Penampilan



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

## Paparan dan Susun Atur Analisis Kemamanan

**MODUL  
PEMBAUT  
KEPUTUSAN  
(AGIHAN  
SUMBER)**

**Agihan Sumber**

Kemaskini Terakhir: 2016-04-25 13:20:08

| Kategori                         | Bilangan |
|----------------------------------|----------|
| Amat Mampam                      | 5964     |
| Mampam                           | 5407     |
| Sederhana Mampam                 | 539      |
| Kurang Mampam                    | 38       |
| <b>Jumlah Keseluruhan: 11948</b> |          |

Export To MS Excel

| No. | Daerah        | Mukim                   | Nama Kampung     | Jenis Kampung           | Bilangan Penduduk | Kategori    | Markah |
|-----|---------------|-------------------------|------------------|-------------------------|-------------------|-------------|--------|
| 1   | Kuala Kangsar | Sungai Sipul            | Taman Sentosa    | Kampung Taman Perumahan | 340               | AMAT MAMPAM | 0.346  |
| 2   | Alor Gajah    | Gadek                   | Kg. Gadak        | Kampung Tradisi         | 3765              | AMAT MAMPAM | 0.345  |
| 3   | Kota Tinggi   | Ulu Sungai Sedili Besar | Kg. Mawai Baru   | Kampung Induk           | 2118              | AMAT MAMPAM | 0.334  |
| 4   | Rompin        | Rompin                  | Kg. Kuala Rompin | Kg. Tradisi             | 5240              | AMAT MAMPAM | 0.330  |
| 5   | Johor Bahru   | Plenteng                | Tarom            | Tradisi                 | 10500             | AMAT MAMPAM | 0.328  |

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

## Paparan dan Susun Atur Awal Pemetaan Interaktif CHARMs

**CHARMS**

Analisis | Print | Identify | Query | Measure | Streetview | Edit

Carian Lokasi...

**PROFIL KAMPUNG**

- Kampung Mampam (Jun20)
- Taburan Kampung

**CIRI-CIRI KAMPUNG**

- Bilangan Rumah
- Corak Kampung
- Jenis Kampung
- Asas Ekonomi
- Grid RFDN

**PENTADBIRAN**

- Sempadan Konurbasi
- Sempadan Bandar (KPB)
- Jarak Dari Pekan (5KM)
- Jarak Dari Bandar (10KM)
- Sempadan PBT
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

## Paparan dan Susun Atur Analisis Agihan Sumber

**Analisis**

Kemamanan | **Agihan Sumber** | Pemanduaan | Ringkasan

**Agihan Sumber Mengikut Keutamaan**

Kump. Kemudahan: Kemudahan Awam

Kemudahan: Dewan Orang Ramai

Negeri: Melaka


Daerah: Pilih Daerah

Search | Reset

| No. | Negeri | Daerah     | Mukim           | Nama Kampung            | Jenis Kampung   |
|-----|--------|------------|-----------------|-------------------------|-----------------|
| 1   | Melaka | Alor Gajah | Sungai Petai    | Kg. Ayer Ulang          | Kg. Tradisional |
| 2   | Melaka | Alor Gajah | Sungai Petai    | Kg. Solok Binjai        | Kg. Tradisional |
| 3   | Melaka | Alor Gajah | Sungai Baru Ulu | Kg. Pulau Dermot        | Kg. Tradisional |
| 4   | Melaka | Alor Gajah | Biru            | Kg. Biru                | Kg. Tradisional |
| 5   | Melaka | Alor Gajah | Gadek           | Kg. Solok Kapeng        | Kg. Tradisional |
| 6   | Melaka | Alor Gajah | Kelemak         | Kg. Ayer Lanjut         | Kg. Tradisional |
| 7   | Melaka | Alor Gajah | Ayer Pa'abas    | Kg. Solok Durian Terong | Kg. Tradisional |
| 8   | Melaka | Alor Gajah | Ayer Pa'abas    | Kg. Solok Punggal       | Kg. Tradisional |
| 9   | Melaka | Alor Gajah | Ayer Pa'abas    | Kg. Air Tanai           | Kg. Tradisional |
| 10  | Melaka | Alor Gajah | Ayer Pa'abas    | Kg. Solok Kilang        | Kg. Tradisional |


Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

### Paparan dan Susun Atur Ringkasan Menggunakan Carta



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

### Paparan dan Susun Atur Sistem Pemantauan



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

## Paparan Langkah dan Projek Yang Perlu Diisi oleh Agensi Pemantau

**Strategi AD.1.1**

| NO | LANGKAH-LANGKAH   |
|----|---|
| 1  | Mewartakan KSAS dan biodiversiti yang belum ditingdungi |
| 2  | Mengawal perletakan industri nadir bumi di kawasan desa |
| 3  | Memelihara kawasan sumber makanan negara                |
| 4  | Memelihara sumber bukan semula jadi yang penting        |

| LANGKAH-LANGKAH   | AGENSI PEMANTAU | AGENSI PELAKSANA | KOD PROJEK / PROGRAM | PERINGKAT (NEGERI/DAERAH/MUKIM) | INDIKATOR PELAKSANAAN LANGKAH | INDIKATOR PENCAPAIAN KOMPONEN | TARIKH PEMANTAUAN DUALANKAN | SUMBER KEWANGAN | KOS PROJEK / PROGRAM |
|---|-----------------|------------------|----------------------|---------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|-----------------------------|-----------------|----------------------|
| <b>LANGKAH-LANGKAH 1</b><br>Mewartakan KSAS dan biodiversiti yang belum ditingdungi |                 |                  |                      |                                 |                               |                               |                             |                 |                      |
| <b>LANGKAH-LANGKAH 2</b><br>Mengawal perletakan industri nadir bumi di kawasan desa |                 |                  |                      |                                 |                               |                               |                             |                 |                      |
| <b>LANGKAH-LANGKAH 3</b>  |                 |                  |                      |                                 |                               |                               |                             |                 |                      |

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

## Penyediaan Menu CHARMs Bagi Pautan Data Menerusi URL

**MODUL PERKONGSIAN DATA**

Type: **Web Map Service (WMS)**

URL:

**Enter a valid URL to a WMS endpoint (e.g. <http://example.com/geoserver/wms>)**

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

## MODUL PENYELENGGARAAN

CHARMs yang siap dibangunkan merupakan sistem yang dinamik dan berupaya untuk diselenggara oleh PLANMalaysia sebagai *custodian* melalui *stakeholder* Bahagian RFN (Unit DPF Desa Negara) bagi tujuan kemas kini dan penambahbaikan sistem. Turut disediakan modul *administrative* yang membolehkan penyelenggara sistem (*system admin*) mengemaskini maklumat secara mudah. CHARMs juga akan diselaraskan dan dijadikan alat sokongan kepada i-Plan.

### SOP Bagi Penyelenggaraan Maklumat Kampung


Terdapat *Standard Operating Procedure* (SOP) yang melibatkan proses pengemaskinian maklumat CHARMs. Tempoh pengemaskinian maklumat kampung yang dipersetujui bersifat berkala iaitu satu tahun sekali. Dalam tempoh tersebut, setiap Pegawai Daerah akan diberikan ID Pengguna dan Kata Laluan sementara oleh Pentadbir Sistem (PLANMalaysia) bagi tujuan pengemaskinian. Menggunakan ID dan Kata Laluan sementara membolehkan *Editor* tersebut dibenarkan menyunting data hanya di kawasan masing-masing sahaja.

PLANMalaysia akan bertindak sebagai **pengurus sistem utama** manakala **Pegawai Daerah** bertindak sebagai **Editor** iaitu penyelenggara sistem berkala.

**1** tahun sekali tempoh pengemaskinian maklumat kampung

Dicadangkan pada akhir tahun dan **2** minggu tempoh penyelenggaraan yang dibenarkan


### Prosedur Pengemaskinian Maklumat Kampung CHARMs



Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

Berikut adalah cadangan SOP bagi penyelenggaraan maklumat yang dibentuk berasaskan CHARMS bagi memudahkan pengurusan sistem.

### SOP Pengemaskinian Maklumat Kampung



## LANGKAH 1

Pada akhir tahun (tertakluk kepada perubahan), Pengurus Sistem Utama (PSU) hendaklah memaklumkan kepada Pegawai Daerah peringkat negeri yang berdaftar menerusi e-mail notis pemberitahuan berkenaan tempoh pengemaskinian dan tata caranya. Ini disusuli dengan penghantaran e-mail ID pengguna dan kata laluan masing-masing. Penghantaran e-mail notis dilakukan secara serentak dengan PSU mengaktifkan butang kemas kini.

### Contoh Paparan Pengguna (Pegawai Daerah) Berdaftar Dalam CHARMS

| Bil. | Nama Pengguna          | Email                   | Negeri          | Daerah                 | Action       |
|------|------------------------|-------------------------|-----------------|------------------------|--------------|
| 1    | wan mohd shariffuddin  | wshariffuddin@yahoo.com | Pahang          | Jerantut               | [Pencil] [X] |
| 2    | fadhilah bt md yasin   | wan2709@yahoo.com       | Kedah           | Batu Langkawi          | [Pencil] [X] |
| 3    | wan sarah ariana       | wansarah@yahoo.com      | Kelantan        | Machang                | [Pencil] [X] |
| 4    | wan mohd shariffuddin  | wshariffuddin@yahoo.com | Kedah           | Sik                    | [Pencil] [X] |
| 5    | wan shah               | wan2709@yahoo.com       | Kelantan        | Pasir Mas              | [Pencil] [X] |
| 6    | wan ariff              | sd@yahoo.com            | Kelantan        | Jeli                   | [Pencil] [X] |
| 7    | wan sarah shariffuddin | wansarah@yahoo.com      | Pahang          | Maran                  | [Pencil] [X] |
| 8    | budin                  | wshariffuddin@yahoo.com | Kelantan        | Jeli                   | [Pencil] [X] |
| 9    | wan budin shah         | wshariffuddin@yahoo.com | Negeri Sembilan | Seremban               | [Pencil] [X] |
| 10   | acedin                 | wshariffuddin@yahoo.com | Selangor        | Klang                  | [Pencil] [X] |
| 11   | budin                  | wshariffuddin@yahoo.com | Pulau Pinang    | Seberang Perai Selatan | [Pencil] [X] |
| 12   | ssss                   | wshariffuddin@yahoo.com | Kelantan        | Kota Bharu             | [Pencil] [X] |
| 13   | g                      | wshariffuddin@yahoo.com | Johor           | Mersing                | [Pencil] [X] |
| 14   | acedin                 | wshariffuddin@yahoo.com | Perak           | Manjung                | [Pencil] [X] |
| 15   | acedin                 | wshariffuddin@yahoo.com | Perak           | Manjung                | [Pencil] [X] |
| 16   | x                      | wshariffuddin@yahoo.com | Kedah           | Kubang Pasu            | [Pencil] [X] |
| 17   | g                      | wshariffuddin@yahoo.com | Melaka          | Alor Gajah             | [Pencil] [X] |
| 18   | Q                      | wshariffuddin@yahoo.com | Negeri Sembilan | Jempol                 | [Pencil] [X] |
| 19   | C                      | wshariffuddin@yahoo.com | Perak           | Larut dan Matang       | [Pencil] [X] |

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.



## LANGKAH 2

Menggunakan ID dan Katalaluan diberikan, Pegawai Daerah (dengan bantuan penghulu kampung) hendaklah mengemaskini data-data kampung mereka berdasarkan maklumat terkini. Bagi kampung yang tidak tersenarai, ia hendaklah dimaklumkan kepada PSU untuk tindakan lanjut.

## LANGKAH 3

Setelah tempoh pengemaskinian tamat, PSU hendaklah memastikan butang kemas kini dinyah aktifkan. Ini bertujuan menamatkan aktiviti yang boleh mengganggu proses seterusnya.

## LANGKAH 4

PSU hendaklah mengesahkan maklumat yang telah dikemas kini dengan bantuan pegawai yang dipertanggungjawabkan dalam aktiviti ini. Maklumat yang disahkan akan dikemas kini terus ke dalam CHARMS. Bagi data serta maklumat yang meragukan, pegawai yang bertanggungjawab hendaklah menyemak dengan Pegawai Daerah tersebut bagi mendapatkan keterangan lebih lanjut.

## LANGKAH 5

Notis pemberitahuan hendaklah dihantar menerusi email kepada Pegawai Daerah bagi kampung yang tidak terdapat perubahan maklumat. Ini bertujuan mengesahkan bahawa tiada maklumat terkini pada kampung tersebut.


Bagi memudahkan pengemaskinian kampung, *template* disediakan dalam sistem ini. Menu dirangkaikan dengan pangkalan data bagi membolehkan pengguna membetulkan secara pilihan menerusi *pull down* menu sahaja.

### Template Untuk Pengemaskinian

The screenshot displays the CHARMS system interface. On the left, there is a 'Layers' panel with various map layers like 'PROFIL KAMPUNG', 'CIRI-CIRI KAMPUNG', 'PENTADBIRAN', 'DEMOGRAFI', and 'JARINGAN PERHU'. The main area shows a 'Kemaskini Maklumat Kampung' form. The form has several dropdown menus for selection: 'Negeri', 'Daerah', 'Mukim', 'Kampung', 'Jenis Kampung', 'Corak Petempatan', 'Jenis Rumah', 'Keadaan Fizikal Bangunan', and 'Keadaan Fizikal Kampung'. There are also 'Cari' and 'Reset' buttons. To the right of the form, there are text input fields for 'Bilangan Penduduk', 'Lelaki', 'Perempuan', and 'Pekerjaan Majoriti'. The background shows a map with a search bar and various map tools.

Sumber: DPF Desa Negara, 2016.

### SOP Bagi Penyelenggaraan Penilaian Polisi



Pada akhir tahun (tertakluk kepada perubahan), Pengurus Sistem Utama (PSU) hendaklah memaklumkan kepada Kementerian/Jabatan berkaitan (Pegawai yang bertanggungjawab) yang berdaftar menerusi e-mail notis pemberitahuan berkenaan tempoh pengemaskinian dan tata caranya. Ini disusuli dengan penghantaran e-mail ID pengguna dan kata laluan masing-masing. Penghantaran e-mail notis dilakukan secara serentak dengan PSU mengaktifkan butang kemas kini.

#### LANGKAH 1

Setelah tempoh pengemaskinian tamat, PSU hendaklah memastikan butang kemas kini dinyah aktifkan. Ini bertujuan menamatkan aktiviti yang boleh mengganggu proses seterusnya.

#### LANGKAH 2

#### LANGKAH 3

#### LANGKAH 4

Notis pemberitahuan hendaklah dihantar menerusi email kepada kementerian / jabatan bagi yang tidak terdapat perubahan maklumat. Ini bertujuan mengesahkan bahawa tiada maklumat terkini pada kampung tersebut.

#### LANGKAH 5

Menggunakan ID dan kata laluan diberikan, jabatan / pegawai yang bertanggungjawab hendaklah menyenarai serta mengemas kini maklumat projek dan bilangannya berdasarkan maklumat terkini dalam borang yang disediakan dalam CHARMS.

PSU hendaklah mengesahkan maklumat yang telah dikemas kini dengan bantuan pegawai yang dipertanggungjawabkan dalam aktiviti ini. Maklumat yang disahkan akan dikemas kini terus ke dalam CHARMS. Bagi data serta maklumat yang meragukan, pegawai yang bertanggungjawab hendaklah menyemak dengan pegawai tersebut bagi mendapatkan keterangan lebih lanjut.